

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 28 February 1972 > Page 4 > 'Korban' persembahan yang 'modest' dari Zain Mahmood

'Korban' persembahan yang 'modest' dari Zain Mahmood

Berita Harian, 28 February 1972, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL6979

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

'Korban' persembahan yang 'modest' dari Zain Mahmood

DRAMA "Korban" yang di-tayangkan oleh TV Malaysia bersempena dengan Hari Raya Haji, menarek hati saya. Ini ada-lah suatu persembahan drama yang modest oleh Zain Mahmood dalam suatu suasana baru.

AZMI MAHMUD

Oleh

DRAMA "Korban" yang di-tayangkan oleh TV Malaysia bersempena dengan Hari Raya Haji, menarek hati saya.

Ini ada-lah suatu persembahan drama yang modest oleh Zain Mahmood dalam suatu suasana baru. Dia menerbitkan sendiri hasil karya-nya dengan di-bantu oleh Aziz Wok.

Sa - telah menonton drama ini saya berpendapat bahawa inilah kali pertama Zain Mahmood, Ketua drama RTM, memberikan "free play" kepada bakat dan kebolehan-nya menerbitkan drama—satu lapangan yang di-gemari-nya.

Sa-bagai sa-orang penulis dia mahu menyampaikan sa-suatu perutusan melalui drama-nya terhadap sa-suatu yang di-fikir-nya boleh mengekang kemajuan bangsa-nya dalam mengejar chita2 menjadi suatu bangsa yang berperibadi, moden dan progressif.

Saya berkata persem-

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
28 February 1972Reel Number:
NL6979

Share

Table of Contents

< Previous Page 4 Next >

Pakistan yang memang di-duga

Pakistan yang memang di-duga OERSETUJUAN yang membuka jalan kepada perhubungan diplomatik antara

Pengakuan terhadap Bangla

Pengakuan terhadap Bangla BANGLADESH telah JJ menjadi kenyataan yang tidak dapat ditolak sekarang.

Jika anda ingin ka-China sa-bagai pelanchong

Jika anda ingin ka-China sa-bagai pelanchong PENULIS KHAS Pemandangan dari dalam keretapi ka-Peking Oleh

[View Full Table of Contents](#)

bahan drama RTM ini "modest" kerana saya yakin Zain Mahmood maseh boleh menghasilkan drama yang lebeh baik dari drama Korban dengan thema2 yang lebeh merunton perasaan hati penonton2 ini saya yakin.

Dalam pada itu oleh kerana ini ada-lah drama yang pertama diterbitkan-nya maka dia perlu melihat reaksi penonton2 terhadap drama-nya.

Apa kelak ulasan penonton2 terhadap drama itu? Ini amat penting kapada Zain. Fikiran dan komen2 dari para penonton sangat di-titik beratkan.

Drama "Korban" ini pada saya ada-lah suatu drama yang simbolik.

Ia mungkin ada kena mengena dengan kehidupan pengarang - nya sendiri yang lama merantau keluar negeri, apa yang di-rasakan-nya, terutama sekali pandangan-nya terhadap kemajuan2 pesat yang berlaku di-Malaysia, dalam usaha memajukan kehidupan penduduk2 di-luar bandar.

Gadis Rohaya yang di-chari-nya di-kampung Permatang Pinang adalah melambangkan kerungsingan hati pemuda Bakri yang maseh terkenang2 kapada zaman2 gemilang di-kampung dimana kehidupan jauh lebeh tenteram dan seronok dari di-bandar.

Ia merindukan suasana kampung yang terlepas dari hirok pikok dan kesibokan kota serta intrigue manusia2-nya.

Di-desak

Oleh kerana di-desak oleh perasaan rindu terhadap kampung nya yang telah di-tinggalkan-nya 10 tahun dulu maka Bakri pun berangkat dari Singapura menuju ka-Permatang Pinang untuk berhari raya dengan keluarga-nya di-samping berusaha menchari kekaseh lama-nya Rohaya.

Sa - kembali-nya dia di-kampung di-lihat-nya kampung-nya telah menempoh kemajuan2 pesat

hasil dari projek pembangunan luar bandar.

Jalan2 raya telah dibena masok ka-kampung2. Bas2 dan lori2 menggunakan jalan raya untok mengangkut kekayaan menuju ka-tempat2 lain.

Teknik2 pertanian yang moden di-ajar kepada penduduk2 - nya Pemuda Bakri berasa senang mendengar penerangan2 ini, tetapi ada beberapa perkara yang tak menyenangkan hati-nya.

Sa-bagai orang yang sudah lama tinggal di-bandar (Singapura) pemuda Bakri telah melihat kemajuan dan faham kemajuan berarti pengorbanan dari penduduk2. Mereka terpaksa bayar untok menchapai kemajuan.

Kemajuan bukan saja perlukan pelaburan mo-

dal yang banyak tetapi ada kala meninggalkan excess yang di-kuatirkan boleh merosakkan nilai2 hidup manusia saperti di-negeri2 Barat.

Excess ini mesti-lah di-kekang. Di-bandar manusia berlumba2 mengejar kemewahan dan menchari kejayaan dengan tidak mengira sama ada ia merosakkan kepentingan orang lain atau tidak.

Slogan hidup di-bandar yang bersifat materialistikialah "Apa perduli dengan kepentingan orang lain asalkan aku boleh hidup senang senang."

Gambaran ini telah berjaya di-hasikan oleh drama bila Bakri dan Ayah-nya berbual. Perbualan itu menyentoh masa'alah2 kemajuan dan pengorbanan.

Demikian juga antara perbualan Bakri dengan kawan baik-nya Aziz menerusi kata2 bual yang segar dan penuh dengan falsafah. Sa-yang-nya perbualan begitu meleret2 sa-hingga ia boleh membosankan penonton2.

Segala perutusan dan khutbah2 ini mesti-lah terjalin dalam plot drama dan tidak harus di-ucapkan sa-chara melulu oleh pelaku2 drama ini.

Gadis Bakri yang di

Urusan Rohaya yang di-
chari oleh Bakri (Aziz
Singah) sudah tidak ada
di-kampung. Rata2 orang
mengatakan dia sudah
mati atau pun sudah
lari dari kampung.

Dilemma Bakri men-
jadi2 kerana kegagalan
menchari Rohaya. Dalam
pada itu dia mengenang
nasib kampung-nya Per-
matang Pinang. Kalau
takutkan excess2 dari
kemajuan yang mungkin

berlaku di-kampung itu,
apa-kah jalan lain yang
ada pada orang2 kam-
pong.

Ada-kah kemunduran
dan kemejaratan hidup
orang2 kampung harus
berpanjangan.

Memang thema drama
Korban ini menarek dan
mungkin ini-lah pertama
kali sa-barang drama me-
nyentuh masa'alah kema-
juan penduduk2 kampung
dengan chara serious di-
tayangkan melalui RTM.

Tidak boleh di-nafikan
ada unsur2 propaganda
dalam drama ini, tetapi
saya fikir unsur2 propa-
ganda ini ada-lah dalam
bentuk yang sehat.

Mas'alah

Masa'alah yang di-tim-
bukan dalam drama ini
maseh relevant terutama
sekali dalam kehidupan
penduduk2 luar bandar
di-Malaysia dan di-ran-
tau Asia Tenggara, di-
mana penduduk2 mesti-
lah di-sediakan (prepare)
dari segi mental untuk
menerima unsur2 moden-
isasi ini.

Kalau tidak mereka di-
khuatirkan akan tengge-
lam dengan unsur2 ini sa-
bagaimana Rohaya telah
menjadi Korban bekerja
sa-bagai pelayan rumah
arak.

Ini ada-lah suatu per-
kara yang paling "urgent"
di-kerjakan dalam bidang
pembangunan satu2 ne-
geri itu.

Suatu kelemahan drama
Korban ini ia kurang
mengandongi insiden2
sa-hingga ada kala-nya
ia membosankan.

Penggambaran luar
(outdoor filming) di-
mulakan dengan lagu
Lambaian bunga nya-
nyian Rubiah Lubis mesti-
lah menunjukkan pema-
ndangan di-luar bandar,
sawah ladang yang ter-
bentang luas dan kebun2

yang banyak terdapat di-

Malaysia dan bukan chuma padangan indah di-Templer Park.

Drama korban ini akan lebih berjaya kalau dibanyakkan insiden2 yang boleh mempercepatkan jalan cerita-nya.

Epilog pada drama ini saya rasa tidak perlu sebab penonton2 drama TV sudah biasa melihat cerita yang tergantung tanpa menchari penyelesalan. Ini akan menyebabkan penonton2 berfikir.

Epilog2 ini sa-olah2 ditampalkan sahaja pada drama tersebut dan tidak natural.

Dari masa ka-semasa sa-waktu menonton drama ini kita berasa ia di-buat dengan tergesa2 dan kurang teliti tetapi hasil2-nya ada-lah memuaskan.

Ini menunjukkan kecekapan penerbit-nya sebab kalau kita perhati dengan teliti ada beberapa kekhilapan dari segi teknikal yang tidak disenghajakan.

Dari segi lakonan boleh di-katakan baik keseluruhan-nya, casting-nya sesuai. Teknik2 slow motion dalam gambaran luar sa-waktu Rohaya dan Bakri sedang berkejaran memberi kesan.

Teknik2 lain yang digunakan banyak menolong drama ini dari menjadi sa-buah drama yang membosankan suatu lagi kebolehan penerbit-nya untuk menutup kelemahan2 di-bahagian2 lain.

Sa-bagai penerbitannya yang pertama drama "Korban" oleh Zain Mahmud termasuk dalam golongan "Boleh tahan".

Kebolehan-nya menghasilkan drama ini dalam jangka masa kurang dari dua minggu tentukan menggerakkan penerbit2 drama yang lain di-RTM untuk menunjukkan pula kebolehan mereka, supaya banyak drama2 yang bermutu dapat dihasilkan oleh RTM pada tahun ini.

Related Articles

Drama 'Korban' Zain Mahmud untuk tayangan Hari Raya Haji Talivishen M'sia
Berita Harian 2 January 1972

Kerja dalam sebaran 'am tak perlu pelajaran tinggi Zain Mahmood
Berita Harian 3 October 1971

MENARA GADING PUNCHAK MAHLIGAI
Berita Harian 19 November 1971

Drama 'Korban' Zain Mahmud untuk
tayangan Hari Raya Haji Talivishen M'...

Kerja dalam sebaran 'am tak perlu pelajaran
tinggi Zain Mahmood NILA K...

MENARA GADING PUNCHAK MAHLIGAI
NILA KESUMA Menyorot polemik antara

